



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj.Kami : ANM (UKPP) MEL/12 Jld.2 (17)
Tarikh : 21 Ogos 2026
Bersamaan : 8 Rabiulawal 1448H

Ketua Jabatan/ Pengarah
Pusat Tanggungjawab / Pejabat Pemungut

Tuan,

ARAHAN KERJA BIL 76/2026/O: PENANGGUHAN TARIKH KUAT KUASA PELAKSANAAN PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN PS 2.1 TERIMAAN KERAJAAN SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI) (PINDAAN OKTOBER 2024) BAGI KADAR CAJ PERKHIDMATAN (MERCHANT DISKAUN RATE -MDR) BAGI TERIMAAN HASIL DAN BUKAN HASIL

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan (MoF) melalui surat bertajuk "Pindaan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 Terimaan Kerajaan Elektronik (Tanpa Tunai) (Pindaan Oktober 2024) Bagi Kadar Caj Perkhidmatan atau Merchant Discount Rate (MDR) Bagi Semua Jenis Terimaan (Hasil dan Bukan Hasil) bertarikh **24 Jun 2026** bernombor rujukan MOF.BKSK(S) 600-2/4/4 Jld. 6(8) telah membuat pindaan pada kadar caj perkhidmatan (*Merchant Diskaun Rate - MDR*) yang telah dikenakan oleh pihak institusi kewangan kepada pihak Kerajaan bagi semua urusan transaksi pembayaran tanpa tunai (*cashless*) untuk semua jenis terimaan hasil dan bukan hasil. Telah dinyatakan tarikh pelaksanaan kadar caj MDR tersebut, akan bermula dua (2) bulan dari surat pemakluman tersebut ditandatangani iaitu pada 24 Ogos 2026.


3. Sehubungan dengan itu, tarikh kuat kuasa "Pindaan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 Terimaan Kerajaan Elektronik (Tanpa Tunai) (Pindaan Oktober 2024) Bagi Kadar Caj Perkhidmatan atau Merchant Discount Rate (MDR) Bagi Semua Jenis Terimaan (Hasil dan Bukan Hasil) ditetapkan pada **1 September 2026**. Diharap tuan/ puan dapat memanjangkan perkara ini kepada agensi di bawah selian masing-masing. Sebarang pertanyaan, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, bolehlah menghubungi pegawai di jabatan ini **Encik Mohd Hanif Bin Othman** atau **Encik Sufian Bin Md. Yunus** di talian **06-289 5072/5087**.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memberkasa Perakaunan Mampuan"

Saya yang menjalankan amanah,


(**MOHD ASRI BIN YUSOF** ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka



KEMENTERIAN KEWANGAN
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3894
Laman sesawang: www.mof.gov.my

Rujukan : MOF.BKSK(S) 600-2/4/4 Jld. 6 (32)

Tarikh : 7 Ogos 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/
Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PENANGGUHAN TARIKH KUAT KUASA PELAKSANAAN
PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN PS 2.1 TERIMAAN KERAJAAN
SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI) (PINDAAN OKTOBER 2024) BAGI
KADAR CAJ PERKHIDMATAN (*MERCHANT DISCOUNT RATE* – MDR) BAGI
TERIMAAN HASIL DAN BUKAN HASIL**

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (MoF) melalui surat bertajuk "Pindaan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 Terimaan Kerajaan Elektronik (Tanpa Tunai) (Pindaan Oktober 2024) Bagi Kadar Caj Perkhidmatan atau *Merchant Discount Rate* (MDR) Bagi Semua Jenis Terimaan (Hasil dan Bukan Hasil)" bertarikh 24 Jun 2026 rujukan MOF.BKSK(S) 600-2/4/4 Jld. 6 (8) telah membuat pindaan pada kadar caj perkhidmatan (*Merchant Discount Rate* -MDR) yang dikenakan kepada Kerajaan oleh institusi kewangan bagi transaksi pembayaran tanpa tunai (*cashless*) untuk semua jenis terimaan hasil dan bukan hasil. Tarikh kuat kuasa pelaksanaan kadar caj MDR yang baharu adalah dua (2) bulan dari tarikh surat pemakluman tersebut ditandatangani iaitu bermula 24 Ogos 2026.

3. Kementerian ini seterusnya mengambil maklum akan kekangan yang dihadapi oleh pihak industri berdasarkan maklum balas yang diterima dalam mematuhi tarikh kuat kuasa pelaksanaan pindaan Pekeliling PS 2.1 tersebut serta permohonan penangguhan ke tarikh kuat kuasa yang baharu.

4. Sehubungan itu, Kementerian ini bersetuju supaya tarikh kuat kuasa pelaksanaan pindaan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 Terimaan Kerajaan Secara Elektronik (Tanpa Tunai) berkaitan Kadar Caj Perkhidmatan (MDR) ditetapkan pada **1 September 2026**.

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ tuan/ puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada Jabatan/agensi di bawah seliaan masing-masing adalah sangat dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pegawai Kementerian Kewangan seperti yang berikut:


Bil.	Nama Pegawai	Maklumat Perhubungan
(a)	Puan Siti Khatijah binti Hamzah	khatijah.hamzah@mof.gov.my (03) 8882 9037 / 019-246 3503
(b)	Encik Mohd Fahmi bin Mohd Mokhtar	fahmi.mokhtar@mof.gov.my (03) 8882 3672 / 016-254 7817

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(GHAZALI BIN HIZAM)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

☎: 03-88823663 ✉: ghazali.hizam@mof.gov.my


s.k. KSP

TKSP (I)

TKSP (D)

TKSP (M)

Akauntan Negara Malaysia (ANM)
Aras 8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594, Putrajaya



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks (Fax) : 603-8882 4224
Teleks (Telex): FEDTRY MA 30242
Laman sesawang: www.mof.gov.my
(Website)

Rujukan : MOF.BKSK(S) 600-2/4/4 Jld. 6 (8)

Tarikh : 24 Jun 2026

SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/
Dr./ Tuan/ Puan,

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN PS 2.1 TERIMAAN KERAJAAN
SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI) (PINDAAN OKTOBER 2024) BAGI
KADAR CAJ PERKHIDMATAN ATAU *MERCHANT DISCOUNT RATE* (MDR) BAGI
SEMUA JENIS TERIMAAN (HASIL DAN BUKAN HASIL)**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Kementerian Kewangan (MOF) telah membuat semakan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 (Pindaan Oktober 2024) terhadap kadar caj perkhidmatan atau *Merchant Discount Rate* (MDR) yang dikenakan kepada Kerajaan oleh institusi kewangan bagi transaksi pembayaran tanpa tunai (*cashless*) untuk semua jenis terimaan (hasil dan bukan hasil).

3. Sehubungan dengan itu, pindaan pada kadar caj perkhidmatan atau MDR yang baharu adalah seperti jadual berikut:

Saluran	Mod Pembayaran	Kadar Caj MDR (baharu)
Terminal Kad Pembayaran [<i>Point-Of-Sale</i> – (POS)]	Kad Debit (tempatan)	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
	Kad Kredit (tempatan)	Tidak melebihi 0.85% atas nilai transaksi
	E-dompet	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
	EFT <i>Customer to Government</i> (C2G)	Tidak melebihi RM0.45 bagi setiap transaksi

Saluran	Mod Pembayaran	Kadar Caj MDR (baharu)
Portal / Aplikasi Mudah Alih Kementerian/Jabatan	<i>Business to Government (B2G)</i>	Tidak melebihi RM0.90 bagi setiap transaksi
	Kad Debit (tempatan)	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
	Kad Kredit (tempatan)	Tidak melebihi 0.85% atas nilai transaksi
	E-dompot	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih	EFT <i>Customer to Government (C2G)</i>	Tidak melebihi RM0.45 bagi setiap transaksi
	<i>Business to Government (B2G)</i>	Tidak melebihi RM0.85 bagi setiap transaksi
	JomPAY	Tidak melebihi RM0.45 bagi setiap transaksi JomPay termasuk <i>real time notification</i> (RTN)
	Kad Debit (tempatan)	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
	Kad Kredit (tempatan)	Tidak melebihi 0.85% atas nilai transaksi

4. Penggunaan kad caj *American Express* (Amex) yang dikeluarkan oleh institusi tempatan adalah digugurkan daripada senarai mod terimaan.

5. Pelaksanaan kadar caj perkhidmatan atau MDR yang baharu adalah berkuat kuasa pada dua (2) bulan dari tarikh surat ini ditandatangani. Saya memohon jasa baik dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ tuan/ puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada Jabatan/agensi di bawah seliaan masing-masing.

6. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan boleh merujuk kepada pegawai-pegawai Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat seperti berikut:

Bil.	Nama Pegawai	Maklumat Perhubungan
(a)	Puan Siti Khatijah binti Hamzah	khatijah.hamzah@mof.gov.my (03) 8882 9037 / 019-246 3503
(b)	Enck Mohd Fahmi bin Mohd Mokhtar	fahmi.mokhtar@mof.gov.my (03) 8882 3672 / 016-254 7817


7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI JOHAN MAHMOOD MERICAN)

s.k. TKSP (I)

TKSP (D)

TKSP (M)

Akauntan Negara Malaysia (ANM)
Aras 8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594, Putrajaya